

aab

Mahathir - G15 (Bergambar)

MASA DEPAN G15 CERAH, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 30 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad

berkata Kumpulan **15** negara-negara membangun (G15) mempunyai masa depan yang cerah berdasar minat mendalam yang ditunjukkan oleh banyak negara Selatan untuk menganggotainya.

Perdana Menteri berkata oleh kerana itu keanggotaan kumpulan itu tidak perlu dikekalkan dengan angka 15 walaupun namanya tetap G15.

+Tidak yanjil kalau G15 mempunyai lebih daripada 15 anggota seperti yang berlaku kepada kumpulan **G77** dengan lebih 100 anggota sekarang dan **G7**, yang di jangka akan bertambah keanggotaannya pada masa depan. + katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur sekembalinya daripada menghadiri Sidang Puncak G15 di Dakar, Senegal serta lawatan ke Namibia dan Tunisia.

Dr Mahathir berkata setakat ini kumpulan itu telah menerima Chile sebagai anggotanya yang terbaru pada sidang puncak tersebut.

Mengenai ketidakhadiran lima daripada ketua kerajaan pada sidang puncak itu, Dr Mahathir berkata keadaan itu merupakan perkara biasa memandangkan pada awal penubuhannya pemilihan anggota G15 dibuat secara rambang. -- Lagi

▼30/11/09-25MST

Mahathir - G15 2 Kuala Lumpur

Oleh kerana tidak ada sebarang kajian dibuat terlebih dahulu terhadap negara-negara anggota tentulah ada di antaranya mempunyai minat yang lebih kuat terhadap kumpulan itu daripada yang lain, katanya.

Bagaimanapun, kata beliau, Argentina, yang tidak diwakili oleh Presiden Carlos Menem pada sidang puncak itu, telah bersetuju untuk men jadi tuan rumah pada tahun **1994**.

Perdana Menteri juga berkata cadangan Malaysia untuk menubuhkan pusat kecemerlangan di Selatan dan mengadakan seminar mengenai perancangan ekonomi dan penswastaan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada negara-negara anggota. -- Lagi

▼30/11/09-30MST

CNS2227

R GB 30-11 00174 BH076

aab

Mahathir - G15 3 Kuala Lumpur

Beliau jugayakin hubungan dagang antara negara Selatan-Selatan akan bertambah berikutan pencrimaan positif terhadap Pusat Data Pelaburan, Perdagangan dan Teknologi Selatan (Sittdec), yang dicadangkan oleh Malaysia dan kini sudah beroperasi, dan sistem bayaran duahalam melalui perjanjian antara bank pusat negara-negara anggota G15.

Mengenai lawatan beliau keseluruhannya, Perdana Menteri berkata peluang Malaysia untuk memyerluaskan hubungan dagang dengan ketiga-tiga negara tersebut amat cerah +kalau kita rajin+.

Ini adalah kerana ketiga-tiga negara tersebut amat berminat untuk mengadakan hubungan lebih erat dengan Malaysia, terutamanya sekali Tunisia, yang begitu tertarik dengan ekonomi negara ini dan konsep penswastannya.

Ketika di tanya mengenai pindaan terhadap Rang Undang-undang Perlembagaan 1992, yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Sabah minggu lepas, Dr Mahathir berkata: daripada semangat demokrasi, tindakan itu +memang tidak demokratik. +

+Tetapi sama ada ini demokratik atau tidak terpulang kepada rakyat untuk memikirkannya. Kalaulah Kerajaan Pusat buat macam itu, ia tentu sudah dilaporkan dalam akhbar dunia 'kononya kita tidak demokratik,+ kata beliau. -- Lagi

▼30/11/10-20MST

CNS2228

R GB 30-11 00159 BH077

aab

Mahathir - G1.5 4 Kuala Lumpur

Perdana Menteri berpendapat pindaan itu hanya mempunyai satu tujuan untuk menentukan wakil rakyat daripada Parti Bersatu Sabah (PBS) tidak menukar parti dan bukannya memberi keutamaan kepada kelakuan tidak baik di kalangan Anggota Dewan Undangan Negeri.

+Kalau kelakuan tidak baik yang menjadi tumpuan, sudah lama kita boleh buat t. Bahkan Kerajaan Pusatpun boleh buat. Mungkin kalau Kerajaan Pusat buat kita boleh pecat semua Anggota Dewan Rakyat PBS.+

Beliau bagaimanapun berkata ka jian perlu dibuat terlebih dahulu bagi menentukan sama ada pindaan itu bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan.

Mengenai permintaan Ketua Menteri Sabah, Datuk Joseph Pairin Kitingan, yang juga presiden PBS agar debat berkaitan Porjian 20 Perkara antara Barisan Nasional dan parti itu ditukar menjadi forum, beliau berkata ia hanya bertujuan untuk menutup kelemahan-kelemahan sendiri.

+Kalau diadakan forum rakyat tidak akan tahu apa yang berlaku keranta dia hendak cuba menyembunyikan kelemahan-kelemahan dia, +katanya. -- Lagi

▼30/11/10-22MST

R GB 30-11 001.83 BH078

aab

Mahathir - G15 5 (Akhir) Kuala Lumpur

Xetika ditanya mengenai kenyataan Timbalan Perdana Menteri., Encik Ghafar Baba, baru-baru ini bahawa beliau akan terus menyokongnya, Dr Mahathir' berkata: +Saya tidak pernah langsung terlintas dalam hati bahawa saya tidak ada sokongan+.

+Inicuma tuduhan-tuduhan orang lain yang hendak pecah-belah (parti). Bagi saya tidak pernah ada keraguan tentang sikap Encik Ghafar terhadap saya ... terhadap kerajaan.+

Sementara itu, Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Tan Sri Ahmad Kamil Jaafar, yang turut berada di lapangan terbang berkata Malaysia merupakan negara paling wajar menjadi tuan rumah seminar ekonomi dan penswastaan negara-negara Selatan yang dicadangkan itu.

Bagaimanapun, katanya, belum ada sebarang keputusan dibuat mengenai tarikh dan tempat seminar itu, yang akan dibuka kepada semua negara Selatan dan tidak hanya tertumpu kepada negara-negara anggota G15.

Yang turut menyambut kepulangan beliau dan Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohd Ali ialah Ghafar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Abang Abu Bakar Mustapha, Menteri Pertanian Datuk Seri Sanusi Junid dan Menteri Besar Perak Tan Sri Ramli Ngah Talib. -- Bernama

▼30/11/10-25MST